

SUARA



 ePerolehan
medium informasi komuniti ePerolehan



“ 1 eP, Medium
Perolehan
Strategik ”

Slogan baru eP

eP@DESA

Usahawan Luar Bandar
Kini Boleh Jalan Aktiviti
ePerolehan

EDISI

+ JUL - DIS 2012

untuk edaran dalaman

EDISI
+ JUL - DIS 2012

PENASIHAT EKSEKUTIF
DATO' MOHD SHAFIQ ABDULLAH

PENOLONG PENASIHAT
NOR'AINI ABDUL RAZAK

EDITOR BERSAMA
WAN SITI ESHAH WAN AHMAD
LILIAN ANG


PENOLONG EDITOR
WAN AZWAR ZAIHAN WAN AHMAD

PENULIS
SYARINA MOHD IDRIS
NAJMAN ZAINUDDIN
NOOR BAIZURA DOLAH MOKSIM

PEREKA GRAFIK
MUHAMMAD FAHMI FADZIL
FOTOGRAFI
NAJMAN ZAINUDDIN



SIDANG REDAKSI
SUARA ePEROLEHAN



"Kerajaan akan memperkukuhkan pendekatan "value for money" dalam perolehan Kerajaan. Untuk ini, Kerajaan akan melaksanakan kaedah untuk meningkatkan elemen persaingan dalam perolehan Kerajaan. Semua pembelian kerajaan akan diuruskan melalui tender terbuka atau tender terhad melainkan dalam kes-kes tertentu. Kaedah perolehan secara elektronik melalui sistem ePerolehan akan diperluaskan bagi mempertingkatkan ketelusan dalam pengurusan perolehan Kerajaan."

Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Ucapan Pembentangan Pakej Ransangan Ekonomi Kedua

www.eperolehan.gov.my

 ePerolehan

Unit ePerolehan
Blok Helang, Kompleks Pejabat & Villa
Cyberview Gardens, 63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03 8312 7270

ARTIKEL SUARA eP

1. Usahawan luar bandar kini boleh jalan aktiviti ePerolehan
2. Seminar pembekal di Kuantan, Pahang (12 Sept 2012)
3. Laporan latihan ePerolehan Julai hingga Disember 2012
4. Bengkel penulisan siaran media beri pengalaman baru kepada kakitangan Unit ePerolehan
5. Sistem Perolehan Kerajaan mengungguli 2 Anugerah berprestij pada Tahun 2012
6. 2000 orang memeriahkan Jamuan Rumah Terbuka Aidilfitri Unit eP dan CDCSB
7. ePerolehan Centre UTC Melaka menerima kunjungan Perdana Menteri
8. ePerolehan Centre Ipoh di Lokasi baru
9. Program eP di Sabah
10. "1 eP, Medium Perolehan Strategik" dipilih slogan baru eP
11. Penambahbaikan modul Kontrak Kementerian
12. Penambahbaikan fungsi notifikasi SMS kepada pembekal
13. eP sertai JJD Pulau Pinang
14. Lebih 1000 orang berkunjung ke kios eP sempena NICE 2012
15. Transaksi Modul Kontrak Kementerian di Sarawak cecah hampir RM213 juta pada suku pertama 2012
16. ePC buka cawangan di UTC Kuala Lumpur
17. Taklimat Penambahbaikan Modul Kontrak Kementerian bagi PTJ Lembah Klang





Usahawan Luar Bandar Kini Boleh Jalan Aktiviti ePerolehan

Program eP@Desa adalah merupakan satu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) sebagai rakan strategik kerajaan membangunkan Sistem Perolehan elektronik dalam usaha untuk membantu golongan usahawan luar bandar turut serta.

Program eP@Desa, inisiatif kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan dan pembekal, khususnya di kawasan luar bandar untuk mengurus niaga dengan agensi kerajaan menerusi sistem ePerolehan (eP), kata Pengarah Projek ePerolehan Dato' Mohd Shafiq Abdullah.

Dengan adanya eP@Desa, perkhidmatan eP dapat diperluaskan ke kawasan luar bandar dan memberi peluang kepada usahawan kecil ini mendaftar menjadi sebahagian daripada komuniti eP.

Beliau berkata program eP@Desa ini telah mendapat kerjasama penuh daripada Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) serta Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dalam mewujudkan eP@Desa di Pusat Internet Desa (PID) dan Medan Info Desa (MID) yang membolehkan usahawan menggunakan perkhidmatan eP dan mengurusniaga dengan kerajaan persekutuan.

"Program eP@Desa membolehkan usahawan luar bandar mendapat pendedahan dan latihan asas daripada pegawai terlatih berkenaan sistem eP dan berpeluang untuk memasarkan produk mereka kepada agensi kerajaan di seluruh negara.

"Dengan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perolehan, usahawan luar bandar boleh menyiapkan diri untuk menerokai pasaran baru di dalam negara dan luar negara pada masa akan datang," katanya kepada Bernama pada awal November lalu.

Seterusnya Dato' Mohd Shafiq berkata, perkhidmatan eP yang disediakan di PID dan MID termasuk kemudahan komputer berinternet, kemudahan infrastruktur sistem eP untuk membuat permohonan pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan serta membolehkan urusan niaga dengan agensi kerajaan seperti mengakses maklumat iklan sebut harga, tender, eBidding, muat naik katalog elektronik dan semakan pesanan kerajaan dan sebagainya.

Sekarang terdapat sembilan PID iaitu Pagoh, Bandar Tenggara dan Bandar Penawar di Johor, Marang (Terengganu), Bandar Tun Razak (Pahang), Balik Pulau (Pulau Pinang), Tg Sepat (Selangor), Tg Kling (Melaka) dan Kota Belud (Sabah) dan dua MID iaitu Kampung Kuala Mai (Pahang) dan Kampung Sungai Haji Muhammad (Perak).

Katanya sejak tahun 2009, kira-kira RM100,000 telah dibelanjakan untuk membiayai kos latihan program eP@Desa.

Dato' Mohd Shafiq berkata secara keseluruhan, pusat eP@Desa ini telah menunjukkan peningkatan prestasi yang baik, di mana terdapat 356 aktiviti yang dijalankan dan kini 70 peratus pembekal dan usahawan di seluruh negara menggunakan sistem eP.

Beliau berkata cabaran utama dalam melaksanakan program eP@Desa adalah memberi kefahaman kepada golongan sasaran iaitu usahawan di luar bandar mengenai perkhidmatan yang diberikan kerajaan.



Seminar Pembekal di Kuantan, Pahang (12 Sept 2012)

Seminar Pembekal yang diadakan pada 12 September 2012 di Kuantan Pahang telah dihadiri oleh 201 pembekal. Pembekal-pembekal di Pahang ini adalah pembekal yang eP *enabled* dan telah banyak bertransaksi secara *online*. Para pembekal di Pahang telah membangkitkan isu keselamatan dan ketelusan sistem eP di dalam pelaksanaan tender dan sebutharga. Isu ini telah dijawab oleh Encik Mohd Azrul daripada Unit eP mengenai keselamatan sistem tersebut. Para pembekal di sini meminta agar satu sistem notifikasi SMS digunakan bagi membantu para pembekal di dalam mengetahui maklumat-maklumat terkini mengenai sistem eP.



LAPORAN LATIHAN ePEROLEHAN JULAI HINGGA DISEMBER 2012



Latihan ePerolehan bagi separuh tahun kedua tahun 2012 diteruskan lagi bagi bulan Julai hingga Disember 2012.

Julai 2012

Sebanyak lima latihan kepada pengguna telah diadakan dengan perincian seperti butiran berikut:

Tarikh Latihan	Lokasi latihan	Modul Latihan /Bilangan Peserta
9 -11 Julai 2012	INTAN Timur	Kontrak Kementerian 26 orang
9 -11 Julai 2012	INTAN Sarawak	Kontrak Kementerian 31 orang
10 -12 Julai 2012	IPN Sabak Bernam	Sebut Harga, Tender dan eBidding 21 orang
11-13 Julai 2012	INTAN Sarawak	Kontrak Kementerian 46 orang
17 -19 Julai 2012	INTAN Sabah	Kontrak Kementerian 26 orang

Ogos 2012

Latihan ePerolehan bagi bulan Ogos ditangguhkan sempena bulan Ramadhan.

September 2012

Sebanyak empat latihan kepada pengguna telah diadakan pada bulan September dengan perincian seperti butiran berikut:

Tarikh Latihan	Lokasi latihan	Modul Latihan /Bilangan Peserta
4-6 September 2012	IPN Sabak Bernam	Kontrak Kementerian 15 orang
17-19 September 2012	INTAN Timur	Kontrak Kementerian 28 orang
18-20 September 2012	INTAN Utara	Kontrak Kementerian 31 orang
18-20 September 2012	INTAN Selatan	Kontrak Kementerian 25 orang

Oktober 2012

Pada bulan Oktober sebanyak tiga latihan kepada pengguna telah diadakan dengan jumlah pengguna terlatih bagi modul Kontrak Kementerian ialah sebanyak 102 orang. Manakala sebanyak 2 latihan dengan kehadiran sebanyak 40 orang peserta yang diberi latihan modul Kontrak Pusat dan Pembelian Terus merupakan peserta kepada Kursus Induksi, Khusus dan Pra Penempatan yang dibuat di IPN.

Perincian latihan bagi bulan Oktober adalah seperti butiran berikut:

Tarikh Latihan	Lokasi latihan	Modul Latihan /Bilangan Peserta
1 -3 Okt 2012	INTAN Sarawak	Kontrak Kementerian 35 orang
3 -5 Okt 2012	INTAN Sarawak	Kontrak Kementerian 34 orang
11 Okt 2012	IPN Sabak Bernam	Kontrak Pusat dan Pembelian Terus 20 orang
12 Okt 2012	IPN Sabak Bernam	Kontrak Pusat dan Pembelian Terus 20 orang
30 Okt -1 Nov 2012	INTAN Utara	Kontrak Kementerian 33 orang

November 2012

Sebanyak satu latihan kepada pengguna telah diadakan pada bulan November 2012 dengan perincian seperti butiran berikut:

Tarikh Latihan	Lokasi latihan	Modul Latihan /Bilangan Peserta
20-22 November 2012	IPN Sabak Bernam	Kontrak Kementerian 19 orang

Sesi Latihan Kejurulatihan November - Disember 2012

Pada bulan November dan Disember 2012 juga telah diadakan latihan kepada Jurulatih Kementerian bagi modul Kontrak Kementerian (MC Revamp) dengan maklumat kehadiran adalah seperti berikut:

Tarikh Latihan	Lokasi latihan	Modul Latihan /Bilangan Peserta
26 - 28 Nov 2012	Bilik Latihan Blok Merak, Cyberjaya	Kontrak Kementerian 21 orang
3 - 5 Dis 2012	Bilik Latihan Blok Merak, Cyberjaya	Kontrak Kementerian 15 orang
17 - 19 Dis 2012	Bilik Latihan Blok Merak, Cyberjaya	Kontrak Kementerian 15 orang





BENGGKEL PENULISAN SIARAN MEDIA BERI PENGALAMAN BARU KEPADA KAKITANGAN UNIT ePEROLEHAN



Satu “Bengkel Penulisan Siaran Media” telah diadakan pada 10 Disember 2012 bertempat di Bilik Latihan CDCSB Blok Merak Kompleks Pejabat & Villa, Cyberjaya, dengan kerjasama BERNAMA dan CDCSB.

Seramai 10 orang kakitangan Unit ePerolehan dan CDCSB telah menghadiri bengkel tersebut. Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan mengenai teknik penulisan bagi media massa dan elektronik, kelas ini berjaya menerapkan ilmu dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

Bengkel penulisan ini dikendalikan oleh tenaga pengajar daripada BERNAMA iaitu Puan Salbiah Mohd Said yang berpengalaman lebih 40 tahun sebagai pengamal media.

Demi memastikan peserta benar-benar menguasai pembelajaran pada bengkel penulisan ini, peserta diberi beberapa latihan agar pembelajaran yang disampaikan mampu dipraktik secara berkesan.

Menurut seorang peserta daripada bahagian teknikal Unit ePerolehan, Cik Azlin Md Ali, beliau teruja menghadiri bengkel penulisan ini yang katanya suatu ilmu baru dan seronok untuk diketahui.

“Saya sebenarnya daripada BahagianTeknikal, dan kurang arif pasal penulisan ini, walau apapun saya seronok untuk pelajari sesuatu yang baru”, katanya pada awal sesi pengenalan bengkel.

Dengan kejayaan penganjuran bengkel ini, kakitangan Unit eP dan CDCSB khususnya telah mendapat manfaat ke arah menjadikan penyampaian perkhidmatan kerajaan lebih berkesan.



CDCSB SEBAGAI PENYEDIA SISTEM PEROLEHAN KERAJAAN DIBERI PENGIKHTIRAFAN

Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB), penyedia sistem perolehan kerajaan ePerolehan diberi pengiktirafan menerima anugerah "Malaysia's Prominent Information Technology Company" menerusi anugerah 3rd Malaysia Independence Award 1957@Anugerah Merdeka.

Penghargaan itu sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-55 hasil inisiatif penganjur bersama majalah Branding and Franchise, Pusat Global IKS, dan Kelab CEO Malaysia pada 2 September 2012.

Selaku Pengerusi Eksekutif CDCSB Tuan Syed Azmin Syed Nor, anugerah ini mencerminkan komitmen dan daya tahan yang tidak goyah di dalam menghadapi cabaran terutama merujuk kepada pelaksanaan fasa awal projek sistem ePerolehan.

"Selama 12 tahun, versi terbaharu sistem perolehan ini akan menjadi lebih kukuh dan menjadi aplikasi serba boleh yang akan mengemudikan perdagangan elektronik negara ke tahap lebih tinggi,"katanya.

Hasrat kerajaan dalam membangunkan projek teknologi maklumat dan komunikasi ICT secara tidak langsung mencetuskan inspirasi sistem ePerolehan yang dibangunkan sejak 12 tahun lalu.

Ternyata, kematangan sistem tersebut mampu meletakkannya sebagai ikon pembangunan ICT terutama dalam sektor kerajaan.

Anugerah Merdeka yang disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob diterima oleh wakil CDCSB iaitu Ketua Pegawai Eksekutif, Muzafar Kamal Shahaluddin.

Seramai 120 tetamu hadir pada majlis berkenaan yang diadakan dalam satu majlis makan malam di Subang Jaya, Selangor.

Mengimbas kembali pada Jun lalu, ePerolehan berjaya memenangi anugerah "Best Telecentre Initiative of the Year eWorld Awards 2012" di New Delhi.



Sempena dengan sambutan tahun kemerdekaan ke 55, sistem perolehan menjulang anugerah "Malaysia's Prominent Information Technology Company" menerusi anugerah 3rd Malaysia Independence Award 1957@ Anugerah Merdeka.





2,000 ORANG MEMERIAHKAN JAMUAN RUMAH TERBUKA AIDILFITRI UNIT eP DAN CDCSB

Pada 14 September 2012, Unit eP dengan kerjasama CDCSB telah menganjurkan Rumah Terbuka Aidilfitri dengan dihadiri oleh hampir 2,000 tetamu yang terdiri daripada wakil Kementerian dan Jabatan di Dewan Sri Siantan, Putrajaya, rumah terbuka ini bermula seawal pukul 11 pagi hingga 4 petang.

Majlis ini juga dimeriahkan dengan kehadiran tetamu kehormat iaitu YBhg. Datuk Nozirah Bahari, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (TKSP) Pengurusan, YBhg. Dato' Mat Noor Nawir, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (TKSP) Dasar, serta YBhg. Dato' Abd. Shukor Ibrahim, mantan Pengarah Projek Perolehan Elektronik.

Tetamu dihidangkan dengan juadah seperti lemang, rendang, ketupat dan kuah kacang. Tidak kurang juga menu lain seperti satay, kambing bakar, spaghetti, nasi briyani dan aneka jenis kuih-muih.

Sambil menikmati hidangan, tetamu yang hadir dapat beramah mesra antara satu sama lain terutamanya di kalangan pengguna eP dengan jemputan lain yang hadir.

Yang lebih penting, silaturrahim di antara para jemputan dapat dieratkan dan diperkukuhkan.





ePEROLEHAN CENTRE MELAKA MENERIMA KUNJUNGAN PERDANA MENTERI

“Saya hanya ingat beliau sekadar ingin melawat sahaja namun tidak sangka saya dapat bersalaman dengan Perdana Menteri sendiri”

*Mohd Firdaus Tonnan,
Kakitangan ePC UTC Melaka*

Sinonim dengan Melaka Bandar Bersejarah, kaunter ePerolehan Centre (ePC) di negeri ini turut melakar sejarah manisnya tersendiri di sini apabila menerima kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak.

Lawatan itu sempena perasmian Pusat Transformasi Bandar (UTC) Melaka pada 23 Jun.

Biarpun kunjungan pemimpin nombor satu itu hanya seketika, namun ia memberi makna yang besar buat Unit

ePerolehan serta tidak ketinggalan buat pekerja di ePC UTC Melaka ini.

Ketika ditemui, salah seorang kakitangan ePC UTC Mohd Firdaus Tonnan berkata peluang bertemu empat mata dengan Perdana Menteri adalah satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan.


“Saya hanya ingat dia sekadar ingin melawat sahaja namun tidak sangka saya dapat bersalaman dengan Perdana Menteri sendiri”, katanya.

Buat pertama kalinya, ePC membuka kaunternya di UTC dan beroperasi selama 12 jam sehari bermula dari pukul 9 pagi hingga 9 malam setiap Isnin hingga Ahad.

Terdahulu, pada 12 Jun 2012 ePC UTC Melaka ini telahpun memulakan operasinya secara rasmi dan pernah menerima kunjungan daripada Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.



ePC IPOH DI LOKASI BARU



Pengguna dan pelanggan sistem ePerolehan di sekitar bandaraya Ipoh, yang sebelum ini berurusan di ePC terletak di Wisma Persekutuan kini boleh mendapatkan khidmat bantuan dalam suasana yang lebih selesa apabila ePC tersebut berpindah ke lokasi baru mulai pada 18 September 2012.

ePC baru ini beroperasi di bangunan pejabat dua tingkat beralamat C-G-11 dan C-2-11, Greentown Suria, Ipoh. Selain lokasi yang lebih mudah, fasiliti ePC juga telah dipertingkatkan dengan ruang latihan yang boleh memuatkan 18 orang dalam satu masa.

Disamping itu, pusat yang baru ini dilengkapi dengan projektor, komputer serta rangkaian talian internet yang lebih laju.



Dalam memastikan implementasi Sistem ePerolehan dilaksanakan sepenuhnya di negeri-negeri, satu program turun padang diketuai Pengarah Projek ePerolehan, YBhg Dato' Mohd. Shafiq bin Abdullah ke Keningau dan Kota Kinabalu telah diadakan pada 5 hingga 8 November 2012. Program tersebut turut disertai oleh beberapa pegawai Unit ePerolehan serta Ketua Pegawai Eksekutif Commerce Dot Com Sdn Bhd, Encik Muzafar Kamal bin Shahaluddin.

Agenda pertama dalam program tersebut ialah Taklimat Pembekal di Keningau. Program sehari itu disertai oleh hampir 130 orang peserta daripada Bandar Keningau serta kawasan sekitarnya. Dalam ucapan perasmianya, YBhg. Dato' Mohd. Shafiq menegaskan bahawa perubahan yang diperkenalkan melalui Kerajaan Elektronik sejak tahun 2000 telah memberi banyak faedah kepada kerajaan serta komuniti peniaga. Bersempena taklimat berkenaan, beliau telah ditemuramah oleh Stesen Radio RTM, Keningau FM pada sebelah pagi 6 November 2013 mengenai Sistem ePerolehan yang bersiaran kepada lebih 300,000 pendengar.

Pada 7 November 2012, ahli delegasi telah mengadakan lawatan ke Pusat ePerolehan (ePC) di K.K Times Square, Kota Kinabalu. Satu sidang akhbar dengan pihak media berhubung aktiviti pelaksanaan ePerolehan di Negeri Sabah juga turut diadakan. YBhg. Dato' Mohd. Shafiq sempat beramah mesra dengan pengunjung ePC serta mendengar pandangan dan pendapat mereka mengenai perkhidmatan yang disediakan di ePC.

Pada sebelah petangnya, satu mesyuarat dengan Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) telah diadakan dengan delegasi Unit ePerolehan dan CDCSB serta pegawai PMS. Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah iaitu YBhg Datuk Yusof Saringgit. Antara agenda yang dibincangkan ialah prestasi pencapaian pelaksanaan eP di Sabah, penyelesaian terhadap isu-isu yang berbangkit dalam melaksanakan eP oleh agensi Kerajaan Persekutuan di Sabah dan perancangan bagi meningkatkan penggunaan eP.

Secara keseluruhannya, program lawatan ini telah memberi kesan positif terhadap pelaksanaan Sistem ePerolehan di peringkat negeri. Kerjasama dan sokongan oleh pengguna serta pembekal di negeri Sabah amat penting bagi memastikan sasaran yang ditetapkan untuk pelaksanaan Sistem ePerolehan dapat dicapai.



“1 eP, Medium Perolehan Strategik” dipilih slogan baru eP



Setinggi-tinggi tahniah buat En. Nor Irfan Nor Azman, Penolong Pengarah Bahagian Teknikal, Unit ePerolehan kerana slogan beliau “1 eP, Medium Perolehan Strategik” telah dipilih oleh juri sebagai slogan baru Sistem ePerolehan.

Slogan beliau dipilih dalam satu Peraduan Mencipta Slogan yang telah diadakan pada Mac 2012. Rasional slogan beliau adalah seperti berikut:-

1 eP – ePerolehan turut menyahut saranan YAB Perdana Menteri untuk mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian.

Medium Perolehan Strategik - Satu pengantara strategik yang merapatkan sempadan dunia perniagaan dengan agensi Kerajaan. Melalui kerangka perolehan yang dinamik, ePerolehan adalah medium paling ideal untuk menjana keuntungan kepada kedua-dua sektor.

Majlis penyampaian hadiah telah diadakan pada 20 Julai 2012 di Bilik Teratai Blok Enggang, Unit ePerolehan, Cyberview Gardens, Cyberjaya. Hadiah disampaikan oleh Pengarah Projek ePerolehan, YBhg Dato' Abdul Shukor Ibrahim dengan disaksikan oleh Pengerusi CDCSB, Tuan Syed Azmin Syed Nor. Encik Nor Irfan menerima wang tunai RM1,500 serta sijil penyertaan. Sebagai penghargaan, para peserta lain turut menerima sijil penyertaan.



PENAMBAHBAIKAN MODUL KONTRAK KEMENTERIAN

Modul Kontrak Kementerian Sistem eP dibangunkan selaras dengan penguatkuasaan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 8 Tahun 2005. Modul Kontrak Kementerian versi pertama telah dibangunkan pada tahun 2005 bagi memberi kemudahan kepada pengguna untuk bertransaksi dan menjalankan proses pemenuhan pembekalan setelah pembekal mengikat kontrak dengan Kerajaan.

Unit eP telah membuat kajian bagi menambah baik modul Kontrak Kementerian sedia ada untuk memenuhi keperluan semasa pengguna. Penambahbaikan ini dijalankan bermula pada Disember 2011 sehingga Julai 2012. Modul Kontrak Kementerian versi baru telah sedia digunakan bermula 23 Julai 2012.

Ciri-ciri yang terdapat dalam modul Kontrak Kementerian versi baru adalah seperti berikut:

1. Menyediakan kemudahan kepada Pentadbir Kontrak untuk mengunci masuk had siling berdasarkan PTJ.
2. Menyediakan kemudahan untuk Kementerian menggunakan kontrak Kementerian lain selaras dengan Arahan Perbendaharaan 178.2.
3. Nombor Surat Setuju Terima (SST) dijadikan sebagai rujukan utama (key) dan mandatori.
4. Kontrak yang telah dimuktamadkan akan dihantar ke Buletin Tindakan Pembekal sebagai makluman secara elektronik.
5. Diari Pengesanan (Audit Trail) disediakan untuk tujuan pemantauan dan rekod ke atas setiap tindakan Pentadbir Kontrak.
6. Menyediakan kemudahan kunci masuk data harga dan tempoh penghantaran/perkhidmatan berdasarkan zon tertentu.
7. Menyediakan kemudahan untuk membuat pengemaskinian data Bon Pelaksanaan.
8. Sistem menyediakan kawalan kepada Pentadbir Kontrak untuk mencapai dan menyelenggara kontrak di bawah profil tanggungjawabnya sahaja.
9. Menyediakan fungsi pembayaran "Lain-Lain Potongan" (Royalti, Penalti dan Bayaran Balik Wang Pendahuluan) di peringkat Padanan Bayaran.
10. Mekanisme penjanaan Nombor Siri Komitmen Kontrak (Commitment Serial Number) untuk tujuan tanggungan peruntukan di eSPKB.
11. Proses tanggungan peruntukan boleh dijalankan untuk pelbagai jenis kod program/aktiviti dan pelbagai jenis kod GOSODO.
12. Fungsi pelarasan Debit/Kredit.

Unit eP telah menganjurkan Program Awareness kepada pengguna sistem eP bagi memberi kesedaran kepada pengguna berkenaan modul Kontrak Kementerian. Program ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Awareness kepada Pegawai Penyelaras Kementerian yang telah diadakan pada 1-9 Julai 2012 dan Awareness kepada Agensi Kerajaan pada 18 Julai 2012.

Semoga dengan usaha penambahbaikan ini dapat memberikan keyakinan kepada pengguna khususnya peningkatan penggunaan Modul Kontrak Kementerian serta prestasi Sistem eP bagi melaksanakan perolehan kerajaan.



PENAMBAHBAIKAN FUNGSI NOTIFIKASI SMS KEPADA PEMBEKAL

Unit eP telah menjalankan penambahbaikan ke atas sistem eP dengan menyediakan fungsi notifikasi melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) kepada pembekal. Fungsi ini telah sedia digunakan bermula 5 Oktober 2012.

Tujuan penambahbaikan ini dijalankan adalah untuk membolehkan pembekal menerima notifikasi SMS berhubung tindakan yang perlu diambil ke atas transaksi di sistem eP.

Pembekal yang berminat untuk menerima notifikasi SMS ini perlu terlebih dahulu mendaftar nombor telefon bimbit di menu "Notifikasi SMS" yang disediakan di dalam sistem eP. Notifikasi SMS seterusnya akan dihantar ke nombor telefon bimbit yang telah didaftarkan tersebut. Tiada caj yang dikenakan ke atas setiap SMS yang diterima oleh pembekal.

Sehingga Disember 2012, sebanyak 3077 pembekal telah menggunakan fungsi ini. Ini membuktikan bahawa notifikasi SMS ini merupakan kaedah yang praktikal, mudah dan cepat dalam memastikan kelancaran sistem perolehan antara pembekal dengan kerajaan.

Info ePerolehan
kini di hujung
jari anda.



Perkhidmatan
SMS
ePerolehan

LEBIH MUDAH & PANTAS



eP SERTAI JJD PULAU PINANG



Bagi meneruskan usaha dalam meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat, Unit ePerolehan telah menyertai Program Jelajah Janji Ditepati (JJD) Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 8 Disember 2012. Program ini dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dengan kehadiran lebih 50,000 orang.

Selepas acara perasmian tersebut, YAB Perdana Menteri turut berkesempatan untuk melawat tapak pameran Kementerian Kewangan yang menempatkan beberapa agensi dibawahnya termasuk Unit ePerolehan. Beliau juga menyempurnakan acara memotong reben bagi merentangkan banting ucapan terima kasih beliau kepada seluruh warga Kementerian Kewangan.

Antara perkhidmatan yang diberikan kepada pengunjung program tersebut ialah taklimat mengenai sistem ePerolehan dan pendedaran risalah mengenai ePerolehan.

Pengunjung juga diminta mengisi borang kaji selidik untuk mendapatkan maklumat mengenai tahap kesedaran orang awam mengenai ePerolehan. Adalah dianggarkan lebih 1,000 orang melawat kiosk Kementerian Kewangan pada program itu.



SUARA

ePerolehan

medium informasi komuniti ePerolehan



LEBIH 1,000 ORANG BERKUNJUNG KE KIOS eP SEMPENA NICE 2012

Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan Malaysia telah menyertai Pameran National Innovation Conference And Exhibition (NICE) 2012 pada 5 hingga 7 November 2012 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. NICE 2012 diadakan serentak dengan World Innovation Forum Kuala Lumpur (WIF-KL) 2012 telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 5 November 2012.

Program yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) bertujuan mempromosi semangat kreativiti dan mengetengahkan hasil inovasi yang berpotensi di kalangan warga Malaysia telah berjaya menarik lebih 10,000 pengunjung.

Ini merupakan peluang kepada eP untuk memperkenalkan kepada masyarakat khususnya pengunjung pameran ini tentang sistem perolehan kerajaan secara elektronik yang digunakan sejak 12 tahun lalu. Pendedahan sebegini amat perlu dalam usaha mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

Para pengunjung tapak pameran eP didedahkan dengan konsep perolehan kerajaan secara elektronik serta pengenalan serta pencapaian Sistem ePerolehan.

Pelbagai lapisan pengunjung telah hadir termasuklah delegasi dari luar negara, pelancong, pelajar, pembekal, agensi kerajaan serta orang awam.



TRANSAKSI MODUL KONTRAK KEMENTERIAN DI SARAWAK CECAH HAMPIR RM213 JUTA PADA SUKU PERTAMA 2012

Satu taklimat Penambahbaikan Modul Kontrak Kementerian, Perancangan Perolehan dan Kod Bidang Baru Perolehan kerajaan telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 9 Julai 2012. Taklimat tersebut telah dirasmikan oleh Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak, YBhg Datu Hajjah Jabidah Monseri.

Dalam ucapan perasmian, beliau telah menyatakan nilai transaksi perolehan kerajaan bagi bekalan dan perkhidmatan melalui Modul Kontrak Kementerian oleh Kementerian dan Jabatan Persekutuan di negeri Sarawak bagi suku tahun pertama 2012 mencecah RM212.89 juta dengan melibatkan 15,426 bilangan transaksi. Nilai tersebut merupakan sebahagian daripada jumlah keseluruhan transaksi melalui Modul Kontrak Kementerian seluruh negara yang direkodkan pada nilai RM3.464 bilion atau 111,963 bilangan transaksi.

Mengulas lanjut mengenai perkara tersebut, beliau berkata setakat ini Kementerian Kesihatan merupakan agensi kerajaan yang paling aktif menggunakan Sistem ePerolehan di Sarawak. Justeru, beliau menyarankan agar agensi kerajaan yang lain turut sama meningkatkan penggunaan Sistem ePerolehan.

Taklimat yang berlangsung selama sehari ini melibatkan 500 peserta daripada 230 Pusat Tanggung Jawab (PTJ) di seluruh Negeri Sarawak. Antara penceramah yang terlibat pada sesi taklimat itu ialah Encik Yahya Hazly Adam bagi Modul Kontrak Kementerian dan Encik Nor Irhan Nor Azman bagi Modul Perancangan Perolehan daripada Unit eP serta Encik Ismail Muhamed daripada Unit Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan bagi Kod Bidang Baru.





ePC Buka Cawangan di UTC Kuala Lumpur



Selaras dengan hasrat kerajaan untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat, ePerolehan centre (ePC) telah membuka cawangannya di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 September 2012.

ePC ini merupakan cawangan kedua yang dibuka di UTC selepas ePC UTC Melaka dan ia beroperasi setiap hari Isnin hingga Ahad bermula pukul 9 pagi hingga 9 malam.

Kemudahan yang disediakan oleh ePC ini ialah pendaftaran pembekal, semakan status permohonan sivil Kementerian Kewangan, semakan senarai sebut harga atau tender kerajaan dan permohonan status eP enable.

Bersempena dengan pembukaan ePC ini, Pengarah Projek Perolehan Elektronik, Kementerian Kewangan Malaysia, YBhg. Dato' Mohd. Shafiq bin Abdullah turut mengadakan lawatan sulungnya ke ePC ini pada hari perasmian tersebut.

Beliau diiringi oleh timbalannya, Puan Nor'aini binti Abdul Razak serta Ketua Pegawai Eksekutif CDCSB, Encik Muzafar Kamal bin Shahaluddin.

Pada sesi lawatan tersebut, beliau berharap Sistem ePerolehan dapat meningkatkan operasinya supaya lebih efisien dan tepat. Dalam pada itu, beliau berpuas hati dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan kepada pengguna Sistem ePerolehan.





Taklimat Penambahbaikan Modul Kontrak Kementerian bagi PTJ Lembah Klang




Satu Taklimat Penambahbaikan Modul Kontrak Kementerian dan Penguatkuasaan Kod Bidang Baru kepada Kementerian dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah diadakan pada 13 Julai 2012 bertempat di Dewan Utama, Kompleks Kementerian Kewangan, Putrajaya. Kira-kira 400 wakil agensi-agensi kerajaan di sekitar Lembah Klang menghadiri sesi taklimat itu.

Taklimat itu dirasmikan oleh Puan Nor'aini binti Abdul Razak, Timbalan Pengarah Projek ePerolehan. Dalam ucapan beliau, peserta program dimaklumkan mengenai matlamat kerajaan untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan kerajaan secara atas talian melalui projek Kerajaan Elektronik.

Kerajaan melalui Program Transformasi Ekonomi, telah menetapkan sasaran supaya pada akhir tahun 2015, perkhidmatan yang diberi oleh kerajaan secara atas talian dan tahap penggunaan adalah sebanyak 90%.

“Sepanjang tempoh pelaksanaan Modul Kontrak Kementerian, Unit eP telah menerima banyak maklum balas dan cadangan daripada pengguna-pengguna kerajaan untuk mengatasi isu-isu berkaitan dengan fungsi sistem tersebut.

Sehubungan itu, Unit eP telah mengkaji keperluan semasa pengguna-pengguna Kerajaan dan telah menambah baik Modul Kontrak Kementerian sedia ada bagi meningkatkan dan memudahkan penggunaan Sistem eP di PTJ dan Agensi Kerajaan.” ujar beliau.



FAKTA NOMBOR

eP Centre (ePC) kini berada di 16 lokasi seluruh negara termasuk tiga daripadanya telah dibuka di Pusat Tranfomasi Bandar UTC iaitu Bandar Melaka, Kuala Lumpur dan Kuantan



SUARA



ePerolehan



medium informasi komuniti ePerolehan